

KEFAHAMAN TENTANG ZAKAT TANAMAN DAN
PENGELUARANNYA: SATU TINJAUAN TERHADAP PEKEBUN-
PEKEBUN KELAPA SAWIT DI SIMPANG RENGAM

ROSNAH BINTI TUKIMIN

Kertas Projek yang dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam

Fakulti Sains Sosial Gunaan

Open University Malaysia

2013

PERAKUAN

Nama : ROSNAH BINTI TUKIMIN

No Metrik ; 710510015824001

Saya dengan ini memperakukan bahawa Kertas Projek ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali untuk petikan dan ringkasan yang telah diperakui.

Tandatangan:

Tarikh: 31 JULAI 2013

**TAJUK : KEFAHAMAN TENTANG ZAKAT TANAMAN DAN
PENGELUARANNYA;SATU TINJAUAN TERHADAP PEKEBUN-PEKEBUN
KELAPA SAWIT DI SIMPANG RENGAM**

ROSNAH BINTI TUKIMIN

MEI 2013

ABSTRAK

Kertas kerja ini cuba mengemukakan satu inisiatif kepada pihak pekebun kelapa sawit yang selama ini tidak mendapat pendedahan dan kurang memahami bahawa mereka mungkin boleh mengeluarkan zakat tanaman bagi hasil tuaian kelapa sawit yang menjadi tanaman komoditi negara Malaysia. Hasil yang diraih oleh pekebun dan peladang sama ada dalam jumlah yang banyak dinafikan hak pengeluaran zakatnya kerana kurang pendedahan pemahaman untuk tanaman ini dikeluarkan zakat, cadangan ini hanya berbentuk percubaan berdasarkan ilah kekayaan dan kepada zakat pendapatan yang kini diwajibkan kepada pekerja-pekerja yang makan gaji pada tiap-tiap bulan. Tujuan kajian ini dijalankan mengkaji kefahaman pekebun-pekebun tentang zakat tanaman dan kesediaan mereka untuk menjadi pengeluar zakat tanaman sawit dan mengenal pasti sumber baru zakat sebagai tambahan sumber zakat sedia ada selaras dengan perluasan pengagihan zakat kepada beberapa bidang baru untuk kepentingan umat Islam. Kajian ini merupakan kajian bentuk lapangan bagi mengumpul data-data seterusnya menganalisis keputusan kajian yang diperolehi serta membuat rumusan daripadanya. Kajian ini menggunakan kaedah kaji selidik dengan menyediakan soalan-soalan yang perlu dijawab dengan menanda ruang pilihan

berdasarkan pemahaman mereka terhadap soalan yang diutarakan. Kaji selidik ini disasarkan kepada pekebun-pekebun kelapa sawit sekitar Simpang Renggam. Hasil kajian dari analisis yang dilakukan ke atas data terkumpul mendapati masyarakat telah memahami kewajiban mereka sebagai pengeluar zakat terutama zakat fitrah, mereka juga mempunyai pengetahuan tentang zakat walaupun tidak secara terperinci terutama tentang zakat tanaman, namun kebanyakan mereka secara tidak langsung sebenarnya bersetuju menjadi pengeluar zakat jika satu masa nanti zakat tanaman sawit diwajibkan zakat oleh pihak berkuasa sebagai memenuhi tuntutan agama. Kesedaran dan kepatuhan masyarakat ini perlu dijadikan sandaran dengan mengambil inisiatif dan kajian serta muzakarah oleh para bijak pandai terutama para ulama dunia Islam untuk memikirkan kesesuaian tanaman sawit menjadi salah satu sumber baru untuk kutipan zakat agar kutipan dapat dikumpulkan serta diagihkan kepada yang berhak selaras dengan perkembangan ekonomi, keperluan dan kepentingan umat Islam agar menjadi umat yang dicontohi dan disegani terutama dari segi kepatuhan dan kekuatan ekonominya.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi Pencipta, Pentadbir dan Pemerintah sekalian alam, selawat dan salam atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka dapat saya berusaha untuk menyempurnakan tugas untuk kertas kajian akhir seterusnya menyempurnakan pengajian saya selama hampir lima tahun.

Ribuan terima kasih buat ahli keluarga terutama suami yang banyak memberi sokongan dan dorongan serta kerjasama dalam membantu saya menyiapkan tugas ini juga anak-anak yang memahami tugas yang sedang dilakukan, kedua ibu bapa yang mendoakan kejayaan saya serta rakan-rakan setugas dan rakan seperjuangan yang bersama memberi sokongan dan kerjasama membantu saya dalam usaha saya dan kepada mereka yang turut terlibat sama dalam kajian ini .

Ucapan terima kasih juga buat penyelia yang sudi meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar dan nasihat bagi membantu saya menyiapkan tugas ini, juga kepada masyarakat setempat kawasan Simpang Renggam atas kerjasama mereka mengisi maklumat-maklumat yang diperlukan.

Mudah-mudahan usaha saya ini bukan sesuatu yang sia-sia tetapi sebagai satu usaha untuk menyuntik semangat dan kesedaran bahawa umat Islam boleh mengeluarkan zakat melalui usaha pertanian yang dilakukan sama ada hari ini atau akan datang ,di samping mendapat pahala dan keredaan Allah mereka juga menjadi penyumbang kepada perubahan hidup umat Islam yang memerlukan di samping menguatkan kedudukan ekonomi umat Islam melalui institusi zakat.

Semoga Allah memberkati usaha saya ini ,insyallah.

Rosnah Tukimin.

ISI KANDUNGAN

1. TAJUK : Kefahaman tentang zakat tanaman dan pengeluarannya; Satu tinjauan terhadap pekebun-pekebun kelapa sawit di Simpang Renggam	MUKASURAT
2	
2. PERAKUAN:	3
3. ABSTRAK.	4
4.PENGHARGAAN	5
5.ISI KANDUNGAN.	6
6. PENGENALAN	7
BAB 1	8
BAB 2	14
BAB 3	23
BAB 4	26
KESIMPULAN	34
RUJUKAN	36
LAMPIRAN	37

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang Kajian

Negeri Johor merupakan salah satu negeri pengeluar kelapa sawit terbesar di Malaysia. Salah satu daerah di Johor yang mengeluarkan kelapa sawit ialah Daerah Kluang. Daerah Kluang yang dulunya terkenal dengan ladang nanas, padi, getah dan tanaman lada hitam kini berubah arah kepada peluasan tanaman kelapa sawit terutama pembukaan ladang oleh syarikat-syarikat besar seperti FIMA, SIME DARBIE, PINEAPPLE serta pertukaran ladang getah, nanas, lada hitam kepada ladang dan kebun kelapa sawit, menjelaskan terdapat beberapa kelebihan tanaman kelapa sawit berbanding tanaman –tanaman lain terutama dari segi penjagaan, dan hasil yang agak stabil dan tidak bergantung pada keadaan cuaca memberi kelebihan kepada pekebun-pekebun kecil dan ladang-ladang untuk menukar perusahaan mereka kepada penanaman sawit. Berdasarkan beberapa kelebihan kelapa sawit dalam meraih pendapatan, pekebun-pekebun kelapa sawit sewajarnya memberi impak kepada negara sebagaimana penjawat-penjawat awam dan mereka yang makan gaji mengeluarkan sedikit pendapatan mereka dalam bentuk zakat pendapatan justeru itu besar kemungkinan kelapa sawit juga layak dikeluarkan zakat berdasarkan ilahnyanya kepada kekayaan sebagaimana zakat pendapatan yang dulunya tidak tersenarai antara penyumbang zakat kini menjadi salah satu sumber pendapatan pusat zakat yang utama kerana setiap bulan zakat ini dibayar oleh pekerja-pekerja dalam bentuk potongan gaji.

Kajian terhadap pemahaman tentang zakat tanaman dan pengeluarannya terhadap pekebun-pekebun kelapa sawit di Simpang Renggam ini dijalankan kerana ramai orang Islam yang menjalankan kegiatan pertanian terutama tanaman kelapa sawit khususnya di kawasan Simpang Renggam mungkin mendapat meraih pendapatan yang besar

jumlahnya namun sebahagian daripada mereka tidak mengetahui bahawa mereka juga boleh mengeluarkan zakat tanaman, ini kerana kebanyakan mereka mungkin berpendapat kelapa sawit bukan salah satu tanaman yang dikenakan zakat tanaman berdasarkan salah satu syarat asal pada zakat tanaman iaitu “hendaklah tanaman tersebut mestilah mengenyangkan dan tahan disimpan lama”, jika dilihat pada kelapa sawit ia bukan tanaman yang boleh dimakan tetapi diproses untuk dijadikan minyak itu atas usaha pihak lain berbanding dengan padi, kurma dan anggur yang boleh dikeringkan dan tahan lama disimpan dan boleh dimakan pada bila-bila masa.

Pendapatan hasil tuaian kelapa sawit pasti lebih banyak dan stabil berbanding dengan tanaman lain seperti padi, koko, getah, kelapa berdasarkan tanaman kelapa sawit kurang ancaman penyakit berbanding tanaman lain, begitu juga faktor cuaca tidak mempengaruhi tanaman, tidak perlu penjagaan rapi seperti pengairan, hasil tuaian dapat dilakukan bila sampai tempoh tuaian dan yang paling hebat ialah sekali tanam kelapa sawit boleh dituai hingga tempoh 25 tahun, berbanding dengan hasil padi atau jagung merupakan tanaman jangka pendek yang dituai sekali setiap kali musim penanaman juga bergantung kepada faktor cuaca, jika musim tengkujuh kadangkala hasil tanaman musnah sebelum sempat dituai serta harga yang kurang stabil di pasaran. Hasil kelapa sawit juga dapat dikutip lebih kurang dua kali sebulan dan jumlah pendapatan bergantung pada keluasan kebun yang dimiliki, semakin besar luas kebun maka besarliah amaun yang diperolehi. Melihat dari kutipan hasil tuaian kelapa sawit ini maka saya cuba mengemukakan satu cadangan iaitu para pekebun kelapa sawit mengorak langkah untuk mengeluarkan zakat tanaman setanding dengan pekebun padi dan jagung di Malaysia. Walaupun cadangan ini dalam bentuk percubaan namun percubaan ini diharap dapat membuka mata kepada semua peladang seluruh negara khususnya di Kawasan Simpang Renggam. Cadangan ini, walaubagaimana pun, adalah berbentuk cadangan teoritis kerana ianya hanya berdasarkan pandangan dan illah dari zakat pendapatan yang dibayar sekali dalam sebulan, waktu kini mengeneipkan dahulu persoalan praktikaliti yang bersangkutan dengan hal-hal perundangan, teknikaliti, persekitaran, sub-budaya dan sebagainya. Tujuan permasalahan dibentangkan di sini hanyalah pemikiran yang lebih bersifat idealistik dan mengharap ia menjadi satu tajuk perbahasan dalam al-Fiqh dan menjadi sumber idea untuk perbincangan dan penetapan satu permasalahan baru

membuka ruang kepada umat Islam lebih terbuka dan berlapang dada bagi berkongsi sama pendapatan yang diraih hasil pemberian Allah dalam bentuk pemberian zakat ,kerana jika dianggap hanya sebagai pemberian, sedekah ia satu aktiviti yang mungkin tidak berpanjangan tetapi jika dianggap dalam bentuk zakat umat Islam pasti melakukan pengeluaran secara berterusan dan terancang serta mematuhi hukum begitu juga hasil yang dikutip dapat dijana oleh pihak berkuasa untuk kepentingan dan kesejahteraan umat Islam.

Pertambahan kutipan zakat dari pelbagai sumber sebenarnya memberi keuntungan kepada masyarakat Islam itu sendiri kerana pungutan zakat kini telah ditransformasikan daripada zakat saradiri kepada zakat produktif serta beberapa perubahan yang lebih baik terutamanya dari asnaf fisabilillah yang kini membiayai pengajian para pelajar dan membiayai perubatan hemodialisis bagi pesakit-pesakit kronik yang tidak mampu untuk membiayai kos-kos perubatan mereka. Bagi merealisasikan perubahan- perubahan ini maka sumber zakat perlu diperluaskan , diperkukuhkan dan ditambah pungutan agar semua kebajikan ini dapat diteruskan untuk kepentingan umat Islam itu sendiri. Maka dengan itu saya melihat kemungkinan para pekebun kelapa sawit mungkin menjadi salah satu penyumbang zakat terbaru berganding bahu dengan penjawat awam dan mereka yang bergaji bulan untuk terus berzakat.

1.2 Permasalahan isu sebenar

Usaha Jabatan Agama Islam secara bersepadu melalui media masa menggalakkan dan menyedarkan orang ramai yang sampai kewajipan padanya agar mengeluarkan zakat, termasuklah mereka yang makan gaji mengeluarkan zakat pendapatan, maka apa pula kewajipan pihak pekebun atau pengusaha-pengusaha ladang yang memperoleh hasil yang banyak tetapi mereka tidak mengeluarkan zakat di atas hasil usaha mereka berbanding dengan mereka yang makan gaji atau mengusahakan perniagaan dan sebagainya. Umpamanya seorang pekebun kelapa sawit yang memasuki skim tanaman kelompok di bawah FELCRA memperoleh hasil sebanyak RM30,000 setahun, manakala peneroka

FELDA mengeluarkan hasil tuaian menjangkau 20 tan sebulan hingga menghasilkan RM6000 sebulan .

Maka kajian ini menyasarkan kepada para pekebun kelapa sawit agar mereka membuka minda bahawa mereka boleh membayar zakat tanaman melalui pendapatan hasil pertanian sawit. Saya yakin bahawa para pekebun pasti bersedia untuk berzakat jika mereka mendapat maklumat atau info yang sebenarnya kerana dalam setiap pendapatan kita ada hak orang lain yang perlu diberikan haknya contohnya dengan bersedekah, hibah, hadiah yang semua adalah bertujuan untuk membersihkan harta dan jiwa manusia daripada sifat-sifat keji. Melalui hasil dari pengeluaran zakat membolehkan ekonomi umat Islam lebih kukuh, masyarakat aman, negara lebih maju dan selamat kerana mendapat keredaan Allah s.w.t.

1.3 Soalan-soalan kajian

Antara soalan-soalan kajian yang diutarakan ialah:

Bahagian A

1. Berapakah lingkungan umur pekebun?
2. Apakah tahap atau kelayakan pendidikan mereka?
3. Apakah status mereka?
4. Berapa ramaikah jumlah tanggungan?
5. Apakah status dalam berkebun?
6. Berapa lama pekebun mengusahakan kebun?
7. Berapa anggaran luas kebun/ladang?
8. Berapa jumlah anggaran pendapatan sebulan yang diperoleh?
9. Berapa anggaran kos yang terpaksa dibelanjakan dalam pengurusan?

Bahagian B

1. Adakah mereka mengetahui maksud zakat serta hukum mengeluarkan zakat?
2. Adakah mereka mengetahui jenis-jenis zakat yang wajib dikeluarkan?
3. Apakah jenis zakat yang pernah dikeluarkan oleh pekebun?
4. Adakah mereka mengetahui jenis-jenis tanaman yang wajib dikeluarkan zakat?

5. Adakah mereka mengetahui matlamat mengeluarkan zakat?
6. Adakah mereka mengetahui cara pengiraan untuk mengeluarkan zakat?
7. Dari manakah sumber wang untuk pembayaran zakat?
8. Adakah mereka mengetahui siapakah asnaf-asnaf yang layak menerima zakat?

Bahagian C

1. Apakah pendapat pekebun jika kelapa sawit diwajibkan berzakat?
2. Adakah pekebun bersedia membayar zakat jika layak?
3. Adakah mereka bersedia untuk belajar cara-cara pengiraan dilakukan?
4. Adakah mereka setuju untuk menjelaskan zakat di pusat pungutan zakat?
5. Adakah mereka bersetuju tugas pengagihan zakat adalah tugas pusat zakat?
6. Adakah mereka bersetuju zakat menjadi sumber pendapatan Negara?

1.4 Objektif kajian

1. Mengkaji tentang kefahaman pekebun-pekebun tentang zakat tanaman dan pengeluarannya.
2. Mengkaji tentang kesediaan masyarakat pekebun sawit membayar zakat .
3. Mengenal pasti sumber baru zakat harta bagi harta di ikhtilaf.

1.5 Hipotesis

Kajian ini hanya satu percubaan untuk mengetahui sejauh mana kefahaman masyarakat pekebun kelapa sawit kawasan Simpang Renggam tentang pengeluaran zakat terutamanya dari hasil tuaian kelapa sawit yang selama ini menjadi hasil pendapatan utama mereka. Walaupun mungkin para pekebun tidak pernah mengeluarkan zakat namun saya yakin sebahagian besar dari mereka pasti mengetahui tentang zakat pertanian dan jenis-jenis zakat yang lain walaupun tidak secara penuh namun mereka pastinya pernah menunaikan zakat terutamanya zakat fitrah sebagaimana yang diwajibkan kepada setiap umat Islam terutama ketua keluarga. Pengeluaran zakat fitrah pastinya dibayar kepada amil-amil yang bertauliah kerana kemudahan amil yang hampir dengan mereka

walaupun mungkin mereka tidak mengambil tahu asnaf yang akan menerima zakat yang mereka keluarkan. Maka tidak mustahil juga mereka bersedia untuk mengeluarkan zakat tanaman kelapa sawit, jika satu hari nanti zakat dari pendapatan kelapa sawit di buat perundangan dari segi syarak sebagai salah satu tanaman yang wajib dikeluarkan zakat, begitu juga pembayaran dijelaskan di tempat pungutan zakat yang ditetapkan apabila kemudahan dipertingkatkan dan mereka memahami kepentingan agihan zakat kepada asnaf-asnaf yang layak menerima .Para pengeluar zakat juga boleh mempelajari cara-cara pengiraan zakat jika diberikan penerangan yang tepat dan jelas selaras dengan kemudahan –kemudahan teknologi yang ada pada masa kini.

BAB 2

Kajian literatur

2.1 Kutipan zakat

Di kebanyakan negeri di Malaysia, pungutan zakat secara puratanya telah meningkat dari setahun ke setahun. Keberkesanan pungutan zakat ini adalah hasil sumber hebahan maklumat melalui media-media masa secara berterusan dan seruan melalui khutbah jumaat serta ancaman kepada mereka yang engkar mengeluarkan zakat untuk patuh menunaikan rukun ketiga menjadikan pungutan zakat akhirnya sentiasa meningkat saban tahun. Kejayaan ini merupakan rahmat dari Allah menggalakkan umatnya menjalankan kewajiban sebagai pengeluar zakat. Di negeri Johor sendiri sebagaimana yang dijelaskan oleh MAIJ telah berjaya mengutip zakat sebanyak RM 137.3 juta pada tahun 2011.

MAIJ kutip zakat RM137.3j

JOHOR BAHRU 24 Mei – Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) tahun lalu (2011) berjaya mengutip zakat sebanyak RM137.3 juta berbanding RM122 juta pada tahun sebelumnya.

Penolong Pengarah Bahagian Zakat MAINJ, Jasdy Hassan berkata, jumlah kutipan itu menunjukkan peningkatan sebanyak RM15.3 juta dan pada 2009 pula jumlah zakat yang berjaya dikutip adalah RM110 juta. **Sumber Berita: Utusan Malaysia 25/05/2012**

JOHOR BAHRU 17 Jan. – Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) berjaya mengutip zakat sebanyak RM171.9 juta tahun lalu berbanding RM137.4 juta pada tahun sebelumnya.

Pengerusi Jawatankuasa Agama negeri, Datuk Zainal Abidin Osman berkata, jumlah kutipan itu menunjukkan peningkatan sebanyak 25 peratus atau RM34.5 juta manakala jumlah kutipan zakat pada 2010 pula adalah sebanyak RM122.3 juta.

Sumber:Artikel

Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Johor/20130118/wj_01/MAINJ-terima-zakat-RM171.9-juta#ixzz2IHmo3WWg © Utusan Melayu (M) Bhd

Statistik Pungutan Zakat Negeri Johor 2001 -2010



Statistik di atas adalah menunjukkan jumlah pungutan zakat di negeri Johor meningkat secara stabil dari tahun 2003 sehingga 2006, selepas penurunan sejumlah kira-kira RM1 juta (-5 peratus) dicatatkan pada tahun 2002. Peningkatan besar sebanyak kira-kira RM18 juta (34 peratus) dicatatkan pada tahun 2007 sebelum peningkatan yang lagi besar sebanyak kira-kira RM27 juta (37 peratus) dicatatkan pada tahun 2008. Pertambahan pungutan zakat jelas dapat dilihat bermula dari tahun 2008 hingga ke tahun 2010 dan

pada tahun 2012 pungutan zakat telah mencecah RM 171.9 juta. Walaupun statistik ini hanya menunjukkan pungutan keseluruhan zakat negeri Johor namun jelas menunjukkan berlakunya peningkatan pungutan zakat hasil dari pemahaman orang Islam tentang kewajipan mereka dalam melaksanakan tuntutan agama.

Kutipan zakat di Daerah Kluang

Di dalam Daerah Kluang sahaja berlaku peningkatan pungutan zakat dapat dilihat daripada jadual statistik kutipan & pembayaran zakat daerah Kluang mengikut jenis & tahun

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012
JENIS	RM	RM	RM	RM	RM
W/SIMPANAN	1554276.55	1718845.03	1981123.83	2214359.00	2884825.81
PERNIAGAAN	609286.41	819620.58	767500.66	888409.49	952701.40
PENDAPATAN	410111.46	473731.93	546194.97	779890.44	988858.65
SAHAM	35162.65	35451.85	16524.10	28962.20	18374.00
EMAS	6822.80	24171.30	23043.30	18675.55	35980.05
TERNAKAN	19120.00	13420.00	14350.00	45430.53	20800.00
TANAMAN	1330.00	2150.00	1426.00	2060.00	5690.00
GALIAN	-	-	-	-	-
ZAKAT HARTA	2636109.87	3087390.69	3350162.86	3977787.21	4907256.91
ZAKAT FITRAH	876555.30	953349.25	978298.50	1011590.00	1091668.50
JUMLAH	3512665.17	4040739.94	4328461.36	4989377.21	5998925.41

Statistik ini berakhir hingga 31 Disember pada tiap-tiap tahun perangkaan.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pejabat MAIJ Kluang jelas menunjukkan terdapat pertambahan yang ketara dari segi pungutan zakat yang diterima setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2012 berlaku peningkatan semua jenis zakat kecuali zakat saham ada sedikit penurunan dari segi kutipan mungkin berpunca dari harga saham yang tidak tetap dan sentiasa turun naik.

Melihat jumlah kutipan yang sentiasa bertambah tahun demi tahun menjelaskan kepekaan masyarakat di daerah ini tentang kewajipan mereka terhadap agama. Pembayaran yang bertambah saban tahun, boleh diambil kesimpulan pembayar-pembayar zakat masih memilih untuk membayar di pusat pungutan zakat biarpun ada sedikit sentimen puak yang enggan membayar zakat di pusat pungutan zakat dan lebih suka mengagihkan sendiri kepada individu yang dipilih berdasarkan anggapan –anggapan mereka berlaku ketidaktelusan pengagihan zakat oleh pihak MAIJ namun mereka mungkin terlupa bahawa tiap zakat yang dikeluarkan adalah hak kepada lapan asnaf dan bukan hak satu atau dua asnaf seperti yang mereka lakukan. Walaupun kelihatan kewajipan mengeluarkan zakat sudah terlaksana namun hak sebenar asnaf-asnaf tidak terlaksana.

Statistik zakat tanaman

Merujuk kepada statistik zakat tanaman biarpun tidak jelas jenis tanaman yang dizakatkan saya melihat ada pertambahan jumlah zakat yang diterima saban tahun biarpun pembayar zakat tanaman ada kala kurang dan ada kalanya lebih namun saya melihat pertambahan jumlah amaun yang banyak pada tahun 2012 walaupun pembayar berkurang dari tahun 2011 ada enam orang pengeluar (RM 2060.00) tetapi pada tahun 2012 hanya terdapat empat orang sahaja pengeluar tetapi jumlah dikutip cukup besar (RM5690.00) berbanding tahun 2011. Kemungkinan zakat tanaman ini hasil dari kelapa sawit memandangkan tanaman-tanaman lain kurang popular di Daerah Kluang. Berdasarkan teori ini kemungkinan besar telah ada kesedaran awal kepada para pekebun untuk menjadi pengeluar zakat pertanian kelapa sawit sebelum kajian ini dilaksanakan.

Statistik pembayar zakat daerah Kluang mengikut jenis & tahun (2008- 2012)

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012
Jenis	pembayar	Pembayar	pembayar	pembayar	Pembayar
W/simpanan	1450	1448	1474	1538	1625
Perniagaan	297	316	342	317	373
Pendapatan	418	448	538	683	854
Saham	33	36	13	24	16
Emas	22	30	34	38	54
Ternakan	14	9	10	19	15
Tanaman	3	2	4	6	4
Galian					
Zakat harta	2237	2289	2415	2625	2941
Zakat fitrah	151258	150307	151495	155022	155188

Sumber ; MAIJ Kluang

Menurut statistik yang dijadualkan dapat dilihat berlaku peningkatan jumlah pembayar-pembayar zakat saban tahun mengikut jenis yang telah dikategorikan ini menunjukkan bahawa adanya kesedaran umat Islam untuk melaksanakan kewajipan berzakat dan melaksanakan di tempat yang ditetapkan .Adalah dipercayai mereka mendapat info dan kesedaran tentang pentingnya pengeluaran zakat bagi menyuburkan harta dan membersihkan hati mereka dan meletakkan kewajipan berzakat di tempat yang sepatutnya agar asnaf yang termaktub di dalam al-quran dapat bahagian masing-masing dengan lebih adil dan tersusun sebagaimana tujuan zakat ialah salah satunya untuk membantu kehidupan.

. Berdasarkan pendapat Abu Hanifah; zakat dikenakan ke atas semua hasil tanaman yang ditanam oleh manusia dan dijaga oleh mereka sama ada sayur-sayuran, buah-buahan, biji-bijian dan sebagainya sama ada dijadikan makanan asasi atau makanan selingan. Pandangan inilah yang ditarjihkan oleh ulamak-ulamak semasa hari ini –termasuk Dr.

Yuduf al-Qaradhawi dalam Fiqh az-Zakahnya-. Maka dengan memakai pandangan ini, bukan hanya gandum dan padi sahaja yang wajib dizakati –sebagaimana biasa diketahui-, tetapi pisang, nenas, getah, tebu, lada hitam, koko, kelapa sawit dan sebagainya, semuanya wajib dikeluarkan zakat jika memenuhi syarat yang ditetapkan. Melalui pembacaan saya terutama buku yang bertajuk “Transformasi Zakat” suntingan oleh Muhammad Syukri Salleh menjelaskan kepentingan zakat yang menukar dari istilah sara diri kepada zakat produktif, zakat yang dipungut telah dilebarkan agihan dan penggunaan bukan sahaja untuk lapan asnaf yang telah ditetapkan tetapi mampu digerakkan kepada pengagihan yang lebih besar iaitu kepada bidang perubatan, pendidikan, pelaburan untuk perniagaan, sugu hati kepada para guru agama, imam, bilal, para tahfiz dan sebagainya justeru itu saya ingin melakukan kajian bagi pemahaman dan pengeluaran zakat tanaman dari hasil tanaman kelapa sawit.

Maksud zakat

Zakat dari segi syarak bermaksud suatu kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta tertentu, yang wajib diberikan kepada golongan tertentu dengan syarat-syarat tertentu. Zakat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu zakat harta dan zakat fitrah.

Zakat pertanian

Hasil pertanian didefinisikan sebagai semua hasil pertama yang diperoleh daripada usaha pertanian sama ada ia adalah pertanian jangka pendek atau pertanian jangka panjang.^[1] Oleh itu, setiap hasil ini wajib dikeluarkan zakat ke atasnya apabila telah cukup syarat-syaratnya. Dalil yang mewajibkan zakat ke atas pertanian ialah sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-An'am ayat 141 :-

“Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebon yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk) rasanya dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya.”

Oleh itu, zakat pertanian wajib dikeluarkan setelah cukup nisabnya iaitu 5 ausuq sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W :

“Pada tanaman dan buah-buahan yang tidak sampai lima ausuq maka tidak dikenakan zakat”.

Kadar yang dikenakan zakat pula ialah sebanyak 5% atau 10% daripada kadar nisab tersebut bergantung kepada jenis pengairan yang digunakan sebagaimana hadis yang telah diriwayatkan oleh Ibnu Umar bahawa Rasulullah bersabda:

فيما سفت السماء و العيون او كان عثريا العشر, و فيما سقى بالنضح نصف العشر

Dari apa yang dijirus oleh langit atau mata air atau takungan 10%, dan apa yang dijirus dengan tenaga 5%.

Zakat harta bermaksud zakat yang dikenakan ke atas harta-harta yang tertentu apabila cukup haul dan cukup nisab, merangkumi zakat perniagaan, zakat emas dan perak, zakat binatang ternakan, zakat tanam-tanaman dan buah-buahan, zakat wang simpanan, zakat galian dan zakat pendapatan. Antara syarat-syarat yang mewajibkan zakat ialah Islam, merdeka, berakal, cukup haul, cukup nisob, sempurna milik dan tertentu tuan punya.


Di dalam al-Quran juga menjelaskan hukum orang yang enggan mengeluarkan zakat iaitu dianggap kafir dan murtad kerana mengingkari kewajipannya manakala di anggap fasiq dan berdosa bagi mereka yang enggan mengeluarkan zakat kerana sifat bakhil dan kedekut serta ancaman azab di akhirat .

Kewajipan berzakat harta ini dijelaskan di dalam Al-Quran seperti di dalam surah al – Baqarah :110



43. Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang Yang rukuk.

Surah al-Taubah ayat 103 juga menerangkan kewajipan berzakat sebagaimana berikut:



103. Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak Yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana Sesungguhnya doa mu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.

Nas-nas sokongan zakat tanaman.

1. Mazhab Syafie;

Wajib zakat pada apa yang dihasilkan di bumi dengan syarat ia menjadi makanan asasi dan boleh di simpan.

2. Mazhab Ahmad:

Wajib zakat bagi setiap yang dikeluarkan Allah dari bumi baik berupa bijian, dan buah-buahan asalkan ditanam manusia, sama ada ia makanan asasi atau tidak ,wajib zakat bagi buah-buahan kering tetapi tidak wajib zakat bagi biji basah seperti semangka , papaya, jambu, dan mentimun.

3.Mazhab Abu Hanifa;

Wajib zakat pada setiap yang tumbuh di bumi tidak ada bezanya sayuran dan lain-lain hanya disyaratkan menanamnya dengan maksud mengambil hasil bumi dikecualikan kayu bakar, rumput dan pohon yang tidak berbuah.

Zakat pertanian sumber ikhtilaf

Hasil pertanian	Kategori	Illah	syarat	kadar
1, Tahan lama bukan makanan ruji	Jangka panjang Kopi, koko	Tahan lama, kekayaan	Haul dan nisob	2.5%
	Jangka pendek Bawang ,kunyit	Tahan lama, kekayaan	Nisob tanpa haul	2.5%
2. tak tahan lama bukan makanan ruji	Jangka panjang Kelapa sawit, getah, dusun	Kekayaan	Haul dan nisob	2.5%
	Jangka pendek Tomato, sayuran, kacang panjang.	kekayaan	Nisob tanpa haul	2.5%

Sumber;Sanep Ahmad dan Hairunizam Wahid dalam kertas kajiannya "Sumber Zakat:peluasan terhadap harta yang diikhtilaf"

Kertas kajian mereka menjelaskan hasil-hasil pertanian dari sumber jangka panjang dan jangka pendek ini memberikan hasil yang cukup besar jika diusahakan secara besar-besaran, bersandarkan illah kepada kekayaan dan syarat-syarat serta kadar yang diteloh ditentukan boleh menjadi sumber untuk pengeluaran zakat pertanian dan merujuk kepada tanaman kelapa sawit ia termasuk di dalamnya dan boleh diperbincangkan dan diperdebatkan lagi

BAB 3

METHODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk kajian lapangan yang mensasarkan para pekebun kelapa sawit sekitar Simpang Rengam melalui kaji selidik bertulis di mana mereka mengisi kertas-kertas kajian yang telah disediakan disamping temubual secara ringkas ketika kajian lapangan dijalankan.

3.2 Kaedah kajian

Kaedah kajian yang dilakukan ialah dalam bentuk kajian lapangan .Kajian ini berdasarkan penggunaan kertas dan pensil/pen yang mana soalan-solan terpilih telah dicetak dan para responden hanya perlu membaca dan menanda mengikut pendapat mereka. Bagaimanapun kajian ini juga ada melibatkan sedikit temubual berdasarkan soalan-soalan yang dipaparkan sebagai mengambil inisiatif tentang pemahaman dan pemikiran mereka dengan soalan-soalan yang diajukan. Kajian lapangan ini tertumpu di tempat-tempat kutipan sawit contohnya di Pusat Pungutan Sawit Macap, Pusat Pungutan Sawit Simpang Rengam, Pusat Pungutan Sawit Pungutan Dato Ibrahim Majid dan pekebun –pekebun persendirian serta di Pertubuhan Peladang Simpang Renggam.

Kaedah Kajian

Bahagian	
Tajuk	Kefahaman tentang zakat tanaman dan pengeluarannya: Satu tinjauan terhadap pekebun-pekebun kelapa sawit di Simpang Renggam.
Tempat	Kawasan Simpang Renggam dan sekitarnya.
Cara data dikutip	Mengagihkan borang soal –selidik di tempat –tempat pungutan dan timbangan sawit di kawasan Simpang Renggam, kawasan Machap, Dato Ibrahim Majid, pekebun persendirian dan Pertubuhan Peladang Simpang Renggam yang ditemui secara bersemuka.
Menganalisis data	<ol style="list-style-type: none">1. Mengumpul dan menganalisis maklumat bermula dari peringkat umur peserta/pekebun, tahap pendidikan, status, jumlah tanggungan dan status perkebunan.2. Jumlah ekar kebun yang ditanam sawit.3. Anggaran pendapatan dalam sebulan.4. Anggaran perbelanjaan pengurusan sebulan.5. Jenis zakat yang pernah dikeluarkan.6. Jumlah pekebun yang mengeluarkan zakat.7. Keberkesanan pusat zakat dan pengetahuan am tentang pengiraan dan siapa penerima zakat yang layak.8. Membuat rumusan.
Rumusan	Membuat rumusan hasil kajian yang diperoleh dan membuat kesimpulan hasil kajian .

BAB 4

4.1 HASIL TEMUAN & PERBINCANGAN

Hasil pengumpulan data dan maklumat yang telah dikumpul dan dianalisis ke atas 100 orang responden jelas menunjukkan hasil seperti yang berikut:

4.2 bahagian A

4.2.1 Peratus responden mengikut peringkat umur

Bil	umur	Peratus
1.	20-40	9 %
2	41-50	13%
3	51-60	28%
4	61 tahun ke atas	50 %

Berpandukan kepada kajian yang dilakukan ke atas maklumat peribadi secara ringkasnya kebanyakan pekebun sawit berumur 61 tahun ke atas adalah paling ramai iaitu 50 % berbanding mereka yang berumur 51-60 tahun mewakili 28% , 41-50 13% dan 20-40 tahun hanya 9% .pola ini menunjukkan pekebun sawit terdiri daripada ramai warga emas berbanding mereka yang masih muda mungkin kurang berminat , tidak mempunyai tanah atau kebanyakan mereka mengusahakan pekerjaan lain yang selaras dengan tahap pendidikan seperti guru, peniaga dan kerja kilang.

Tahap pendidikan kebanyakan dari mereka yang memiliki Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia mewakili 58% ,STPM/Diploma mewakili 10% ,ijazah 6% dan lain-lain yang membawa maksud hanya di bawah darjah enam atau bersekolah pondok atau agama rendah mewakili 26%. Maksudnya kebanyakan petani mempunyai tahap pendidikan yang agak rendah .Keseluruhan responden didapati telah berkeluarga kecuali empat orang yang masih bujang dan jumlah tanggungan terbesar ialah sekitar 1-5 orang mewakili 67%, 6-10 orang mewakili 32 % dan lebih 10 orang mewakili 1 % sahaja.

4.2.2 Status pekerjaan dan tempoh lama berkebun

Status pekerjaan	Sepenuh masa (69 org)	Sampingan (27 Org)	Mengurus kebun keluarga (4 org)
Jangka masa berkebun	1 - 10 tahun (20 org)	10 - 20 tahun (30 org)	Lebih 21 tahun ke atas (50 org)

Kebanyakan responden adalah berkebun sepenuh masa yang mewakili 69 % manakala 27% merupakan pekebun yang berkebun secara sampingan kerana mereka mempunyai pekerjaan lain seperti penjawat awam, pekerja swasta ,pekerja kilang dan peniaga dan 4% mewakili keluarga untuk menguruskan kerja-kerja berkebun yang juga bermakna berkebun merupakan kerja sampingan bagi mereka dan hasil tuaian merupakan sumber kedua atau duit tepi. Kebanyakannya pekebun telah lama bekerja iaitu lebih 21 tahun ke atas mewakili 50 % berbanding mereka yang bekerja selama 10-20 tahun 30% dan selebihnya 1-10 tahun lebih kurang 20% . Tempoh kerja berkebun juga boleh dikaitkan dengan faktor umur, hasil pendapatan yang pastinya mencukupi dan taraf pendidikan yang telah ada pada mereka menjadikan mereka kekal pada pekerjaan mereka.

4.2.3 Luas kebun, pendapatan dan anggaran perbelanjaan.

Luas kebun	Pendapatan	perbelanjaan
1-5 ekar 64 %	Kurang RM500 49 %	RM 100-500 59 %

6-10 ekar	30 %	RM 500-1000	39 %	RM 500-1000	38 %
Lebih 10 ekar	6 %	Lebih 1000	12 %	Lebih 1000	3 %

Kajian yang dilakukan juga menunjukkan keluasan kebun adalah kecil meliputi 1-5 ekar (64%), 6-10 ekar 30% dan lebih 10 ekar 6%. Perbandingan hasil yang diperoleh dengan kos-kos perbelanjaan yang ditanggung dapat dilihat seperti berikut kurang RM500 seramai 49%, RM 500-1000 39% dan lebih RM1000 mewakili 12%. RM Anggaran perbelanjaan RM100-500 mewakili 59%, RM500-1000 mewakili 38% dan lebih RM1000 ialah 3%, kos-kos ini berkait rapat dengan keluasan kebun yang diusahakan begitu dengan harga racun dan baja yang sentiasa meningkat juga mempengaruhi perbelanjaan pengurusan walaupun pekebun menjelaskan mereka hanya membaja 3 kali sahaja dalam setahun tetapi meracun rumput agak kerap begitu juga dengan upah pekerja untuk memungut hasil agak tinggi. Kos-kos perbelanjaan yang terpaksa dikeluarkan dan hasil komoditi yang agak merosot serta harga yang menurun sejak kebelakangan ini menjadi satu sandaran bahawa keperluan mereka lebih mengatasi dari perolehan mereka. Bagaimanapun pendapatan ini hanya dalam purata jumlah sebenar mungkin boleh lebih dan juga boleh kurang berdasarkan ketelusan pekebun dan bergantung pada harga kelapa sawit serta kejujuran mereka dalam menyatakan jumlah sebenar. Perbelanjaan dan pendapatan ini juga dikaitkan dengan pendapatan bulanan bagaimana jika harta kelapa sawit naik maka berlaku pertambahan pendapatan.

Secara umumnya kajian ini dapat menjelaskan umur pekebun yang agak lanjut lebih ramai dari mereka yang masih muda, tahap pendidikan pekebun yang agak rendah lebih ramai dari mereka yang berpendidikan tinggi, status diri dan jumlah tanggungan ditambah tempoh berkebun boleh dikaitkan dengan pekerjaan sepenuh masa atau sampingan, faktor umur dan tahap pendidikan. Kesimpulannya pekerja yang mempunyai tahap pendidikan agak rendah memonopoli kerja sepenuh masa dan paling lama bekerja sebagai pekebun. Namun keluasan kebun yang agak kecil, sumber pendapatan dan kos yang dilihat agak hampir sama menjadikan kajian ini seperti kurang mendapat sokongan sepenuhnya dari responden.

4.3 Bahagian B

4.3.1 Analisis pengetahuan maksud zakat, hukum dan jenis zakat tanaman

	Mengetahui	tidak	Kurang pasti
Maksud zakat	68 %	3 %	29 %
Hukum zakat	98 %	1 %	2 %
Jenis zakat tanaman	6%	8%	86 %

Hasil kajian yang dijalankan didapati 68% mengakui mengetahui maksud zakat berbanding hanya 3% tidak mengetahui dan 29% responden mengakui kurang pasti maksud zakat. Ini mungkin pengertian zakat yang berbagai dari segi bahasa dan istilah mungkin agak mengelirukan mereka untuk menjawab dengan yakin, berikutan umur pekebun yang agak tua dan pencapaian akademik yang agak rendah kebanyakannya hanya sekitar sekolah rendah dan menengah rendah kecuali mereka yang mempunyai taraf pengajian yang tinggi dan bekerja di sektor lain. Begitu juga dengan persoalan tentang jenis-jenis zakat yang wajib dikeluarkan hanya 10% mengakui, 3% tidak dan 87 % menjelaskan kurang pasti ditambah lagi dengan zakat tanaman dan jenis-jenis zakat tanaman serta matlamat mengapa zakat perlu dikeluarkan jelas menunjukkan mereka kurang mengambil berat tentang persoalan-persoalan tentang zakat pertanian dan kaitan dengan pekerjaan dan pendapatan mereka.

Bagaimanapun 97% mengakui mengetahui hukum zakat adalah wajib dan mereka menjalankan kewajiban dengan mengeluarkan zakat dan sekurang-kurangnya zakat yang dikeluarkan ialah zakat fitrah yang dikeluarkan setahun sekali pada bulan Ramadan namun hampir 100 peratus responden mengakui tidak pernah mengeluarkan zakat pertanian kerana mereka beranggapan mereka tidak wajib mengeluarkan zakat pertanian ke atas komoditi sawit berdasarkan tiada ketentuan syarak yang jelas sebagaimana pengeluaran zakat perniagaan, simpanan dan pendapatan yang sentiasa mereka dengar sama ada melalui media masa mahupun khutbah-khutbah di masjid ketika solat Jumaat.

Walaupun tiada diantara mereka yang mengeluarkan zakat pertanian namun 18% daripada mereka mengeluarkan zakat simpanan dan zakat pendapatan serta seorang

mengeluarkan zakat harta. Pengeluaran selain zakat fitrah dan zakat pertanian dilaksanakan kerana sebahagian daripada mereka merupakan kakitangan kerajaan yang bergaji tetap dan sebahagian daripada mereka mengeluarkan zakat perniagaan kerana mereka merupakan peniaga

.Justeru itu saya yakin mereka memahami kewajipan berzakat adalah tuntutan agama ke atas mereka yang layak mengikut ketentuan syarak. Namun mereka kurang mengambil berat tentang siapa orang layak menerima zakat bila hanya 4% sahaja mengakui mengetahui selebihnya tidak dan kurang pasti siapa penerima yang ditetapkan oleh syarak .Jelasnya bagi mereka asalkan mereka sudah mengeluarkan zakat sudah selesai kewajipan dan tugas-tugas lain seperti mengira jumlah yang wajib dikeluarkan atau siapa yang berhak menerima adalah tugas pihak berwajib. Ini dapat dilihat dengan pernyataan mereka yang kurang arif tentang pengiraan zakat bila seramai 84% respondeng tidak tahu tentang pengiraan kadar zakat yang wajib dikeluarkan. Kesimpulan mereka kurang memahami keperluan-keperluan tentang berzakat apatah lagi jika persoalan seperti syarat-syarat wajib kepada pengeluar dan syarat-syarat kepada tanaman dan jumlah peratus pengeluaran zakat diutarakan pastinya bagi mereka ini satu beban terutama bagi mereka yang sudah lanjut umur.

Analisis dari soalan bahagian B ini boleh dibuat kesimpulan meskipun hampir keseluruhan mengakui mengetahui maksud zakat dan hukum zakat kerana pihak Jabatan Agama Islam sentiasa menyebut dan mengingatkan pihak umat Islam tentang kewajipan berzakat terutama di radio, television,ceramah-ceramah agama dan khutbah Jumaat menjadikan mereka memahaminya. Namun persoalan jenis-jenis zakat yang wajib dan zakat tanaman kurang difahami begitu juga matlamat atau tujuan mengeluarkan zakat walaupun sebahagian besar daripada mereka mengeluarkan zakat fitrah dan antaranya mengeluarkan zakat pendapatan dan perniagaan. Para pekebun secara keseluruhan menggunakan hasil kebun sebagai hasil untuk membayar zakat fitrah namun kerana zakat fitrah terlalu mudah kerana telah ditetapkan nilainya maka mereka tidak mengambil tahu tentang pengiraan zakat yang lain, malahan tidak menghiraukan siapakah asnaf-asnaf yang layak menerima zakat apabila dirasakan itu bukan tugas mereka. Hakikatnya

mereka tetap merupakan pengeluar zakat dan tahu hukum dan kewajiban mereka dalam mematuhi hukum agama,

4.4 Bahagian C

4.4.1 Analisis pendapat responden tentang zakat

bil	Pekara	setuju	Kurang	tidak
1	Jika kelapa sawit dikenakan zakat	98 %	2 %	-
2	Bersedia berzakat jika layak	88 %	12 %	-
3	Belajar cara pengiraan zakat	6%	57%	37%
4.	Membayar di pusat zakat	59%	40%	1%
5.	Pusat zakat berkuasa mengagihkan zakat	59%	40%	1%
6.	Zakat menjadi punca pendapatan negara	46%	53%	1%

Melihat kepada persoalan tentang kewajipan pengeluaran di dapati 98% responden bersetuju untuk mengeluarkan zakat kelapa sawit jika diwajibkan oleh pihak berkuasa ,dan dengan alasan jika cukup nisob dan cukup haul, jelasnya mereka bersedia mematuhi hukum-hakam yang ditetapkan . Ini menjelaskan bahawa umat Islam tidak meringgan – ringankan ketetapan yang telah dibuat jika ia bersangkutan paut dengan agama. Kelebihan seperti ini pasti memudahkan jika benar satu hari nanti kelapa sawit menjadi salah satu punca untuk pembayaran zakat setelah dihukumkan wajib dikeluarkan zakat. Pendapat ini juga dapat dikongsi hasil kajian “Sanep Ahmad dan Hairunizam Wahid menunjukkan 67% responden bersetuju jika kelapa sawit dikenakan zakat pertanian”

Pembayaran zakat yang sepatutnya dilakukan di Pusat zakat yang telah ditetapkan kurang mendapat sambutan ini berpunca dari sentimen tidak percaya terhadap pihak MAIJ ataupun mungkin rasa ketidak puas hati terhadap kerja-kerja petugas pusat

pungutan zakat dari segi agihan dan suara-suara sumbang mengatakan pihak berwajib hanya mengagihkan sebahagian kecil zakat yang dibayar kepada mereka yang berhak dan sebahagian besar zakat masuk ke dalam poket petugas maka seramai 41% tidak bersetuju untuk membayar di pusat pungutan zakat. Sikap ini diperkuatkan lagi dengan persoalan kuasa membahagikan zakat kepada asnaf-asnaf yang layak hanya seramai 59 orang yang bersetuju manakala selebihnya kurang bersetuju. Hal ini perlu perhatian dan tindakan pihak berkuasa bagi menerangkan hal yang bersangkutan paut agar kebimbangan dan pandangan serong dapat diperbetulkan dan kefahaman tentang situasi ini diperjelaskan. Hal ini pernah diperjelaskan oleh seorang penolong MAIJ tentang salah faham yang berlaku dengan menyatakan bahawa apa yang difahami oleh masyarakat ialah para petugas MAIJ tidak mengagihkan zakat secara telus namun hakikat sebenar ialah sebahagian daripada zakat terutama bahagian asnaf amil digunakan untuk pembayaran gaji kakitangan dan juga pengurusan dan pentadbiran pihak MAIJ, sebagaimana amil mengambil upah untuk kerja-kerja pungutan zakat .

Kurangnya persetujuan untuk membayar zakat di pusat bayaran zakat mungkin berpunca dari sikap umat Islam sendiri yang mempunyai pelbagai alasan peribadi seperti pusat zakat jauh, sibuk dan tidak mempunyai masa dan pemahaman politik yang mana orang perseorangan nampaknya lebih gemar mengeluarkan zakat terus kepada mereka yang dianggap tergolong ke dalam asnaf iaitu asnaf fakir dan miskin di tempat tinggal mereka dengan harapan kehidupan mereka dapat dibantu dengan lebih baik apabila semua zakat diterima oleh pihak ini berbanding dengan agihan zakat dari pihak MAIJ kurang dan kemungkinan besar mereka tidak tercalon dalam senarai penerima zakat, kedudukan pusat zakat yang agak jauh ,maklumat tidak sampai kepada mereka atau tidak mengetahui dengan jelas tentang urusan zakat yang boleh dipohon serta sifat malu untuk memintaminta menjadi penghalang zakat sampai kepada yang berhak. Sikap suka memberi terus kepada fakir miskin juga mungkin berfaktor dari pendapat beberapa ulama berkaitan dengan amaun zakat ini, para ulamak sebenarnya bersepakat bahawa asnaf fakir dan miskin patut diberi zakat dengan tanpa had amaunnya, asal saja mereka berpuashati. Sayyidina Umar al-Khattab misalnya pernah mengarahkan petugas zakatnya dengan berkata:

“Apabila mengagihkan zakat kepada orang-orang miskin, berilah dengan berlebihan agar mereka berpuashati; ulangi memberikannya kepada mereka walaupun mereka mendapat seratus ekor unta” (Abu Ubaid, 1981:502).

Imam Nawawi pula berkata:

“Orang-orang faqir dan miskin patut diberi apa yang membolehkan mereka keluar dari kemiskinan kepada kecukupan secara kekal, dan inilah apa yang al-Shafi`i hukumkan” (Abu Zakariya al-Nawawi, t.t.:193).

Tidak dapat dinafikan bahawa amaun zakat yang sepatutnya diagihkan ini pastinya bergantung kepada berapa banyak hasil kutipan zakat. Besar kutipan zakat maka boleh besar pulalah pengagihan zakat itu. Di Pakistan, berdasarkan kepada perkiraan sebegini, Majlis Pusat Zakatnya menetapkan tidak lebih dari 45 peratus dari dana zakat perlu diberikan kepada orang-orang miskin dalam bentuk geran bantuan bulanan (*monthly subsistence grant*). Di samping itu, tidak kurang dari 45 peratus dari dana zakat juga mesti diberikan sekali kepada orang-orang miskin sebagai geran pemulihan kekal (*permanent rehabilitation grant*). Majlis tempatan mereka pula mesti menggunakan 40 peratus dari dana zakat untuk pelajar-pelajar miskin di universiti-universiti, sekolah-sekolah agama dan pusat-pusat latihan (N.S. Shirazi 1993:6). Sudan pula mengagihkan 65 peratus dari bahagian faqir dan miskin sebagai bantuan segera kepada orang-orang miskin, dan 35 peratus selebihnya adalah untuk membeli alat-alat pengeluaran seperti mesin jahit, biri-biri, peralatan kerja kecil-kecilan dan sebagainya dan memindahkan hakmilik peralatan-peralatan tersebut kepada orang-orang miskin. Zakat House di Kuwait dan Nasir Bank di Mesir juga melakukan amalan yang serupa (Al-Tayib Zein Al-Abdin 1997:74).

Bagaimanapun jika semua amaun zakat diserahkan terus kepada asnaf yang tertentu bagaimana pula zakat dapat diagihkan kepada asnaf-asnaf yang lain contohnya mereka yang memerlukan dalam bidang pendidikan, perubatan, musafir yang kehabisan bekalan, orang yang berhutang, hak mereka pasti ternafi apabila orang perseorangan bertindak megagihkan sendiri zakat yang dikeluarkan. Zakat fitrah contoh landasan terbaik di mana

semua umat Islam membayar pada amil-amil yang dilantik oleh pejabat agama dan pengagihan zakat dapat dilakukan dengan lebih berkesan dan lebih zakat boleh dimanfaatkan kepada bidang lain. Masyarakat boleh membantu mereka yang memerlukan dalam bentuk sedekah semampu mereka ianya lebih baik daripada istilah membayar zakat tetapi terus kepada asnaf pilihannya.

Kesedaran yang tinggi terhadap keperluan zakat selain membersihkan jiwa dan harta mereka juga sedar zakat menjadi salah satu punca pendapatan negara yang boleh memajukan umat Islam, memberi bantuan kepada mereka yang berhak termasuklah bantuan dalam bentuk perubatan, sara hidup ,berdikari ,pendidikan contohnya bagi Daerah Kluang penerima bantuan MAIJ berjumlah RM 14320.00 bagi 10 orang penerima, Daerah Segamat, RM 24,865.00 bagi enam orang penerima dan termasuk 30 orang pelajar. Daerah Kota Tinggi RM 89,850.00 Daerah Mersing RM 70,880.00, Daerah Ledang RM 27740.00 Daerah Pontian RM 161,800.00 Daerah Batu Pahat sebanyak RM 34,030.00 (Buletin Majlis, unit penerbitan dan perhubungan awam Majlis Agama Negeri Johor siri 48 (Jun) 2012).

Secara umumnya hampir keseluruhan pekebun bersetuju dan bersedia sebagai pengeluar zakat terutama jika benar-benar mereka layak dari segi syarak dan adanya kewajiban tanaman sawit dikeluarkan zakat. Meskipun mereka bersetuju menjadi pengeluar namun untuk mengeluarkan zakat di Pusat Pungutan zakat atau belajar mengira jumlah atau berapa banyak mereka dikenakan zakat mereka kurang bersetuju, begitu juga persoalan tentang tugas pihak pungutan zakat untuk mengagihkan zakat kepada asnaf yang layak kurang mendapat persetujuan ramai mungkin atas sebab-sebab kurang kepercayaan terhadap institusi zakat itu sendiri ditambah dengan keyakinan mereka bahawa zakat adalah hak mutlak orang Islam jika ianya menjadi punca pendapatan negara terutama Malaysia perasaan kurang setuju pasti ada kerana mereka melihat pelbagai agama dan bangsa terdapat di Malaysia dan mereka tidak mempunyai hak dalam wang zakat.

BAB 5

KESIMPULAN

Kewajiban berzakat telah diwajibkan kepada umat Islam sejak zaman Rasulullah dan menjadi rukun Islam yang ketiga. Kepentingan berzakat diperlihatkan di zaman pemerintahan khulafah Saidina Abu Bakar yang memerangi orang-orang yang enggan membayar zakat, maka wajiblah setiap manusia untuk berusaha untuk bekerja bagi menyara diri dan keluarga serta berusaha untuk mengumpul harta agar boleh menjadi salah seorang insan yang dapat melaksanakan tuntutan Allah iaitu dalam bidang pengeluaran zakat kerana dengan berzakat selain mematuhi perintah Allah ianya mewujudkan perasaan kasih sayang dan bertanggungjawab kepada ahli masyarakat yang kurang berkemampuan bagi membantu mereka.. Besar harapan hasil dari kajian ini yang disasarkan kepada pekebun kelapa sawit membuka minda mereka jika selama ini mereka menikmati rezeki pemberian Allah hanya untuk kepentingan diri dan keluarga akan membuka mata bawa mereka boleh menjadi penyumbang zakat sama ada zakat pertanian, zakat pendapatan atau zakat simpanan selain zakat-zakat yang telah dibayar selaras dengan maksud zakat yang menyuburkan harta, menyucikan hati manusia Adalah diharapkan kajian ini akan dijadikan satu landasan untuk perkembangan dan pertambahan cabang pengeluaran zakat terutama dari tanaman kelapa sawit sebagaimana berlakunya kewajipan pengeluaran zakat pendapatan. Berdasarkan keputusan yang diperoleh dan kesungguhan serta penolakan oleh sebahagian masyarakat dalam memenuhi kajian ini memperlihatkan pandangn serong masyarakat terhadap sebarang persoalan yang melibatkan pekerjaan dan pendapatan apatahlagi jika melibatkan perolehan pendapatan seolah-olah satu kebimbangan mereka terpaksa mengeluarkan hasil pendapatan dan berlakunya pengurangan hasil yang selama ini dinikmati sepenuhnya memberi cabaran dan pengalaman yang berguna menghadapi karenah masyarakat. Bagaimanapun

pandangan masyarakat pasti berubah jika mereka mendapat kefahaman yang jelas. Maka saya mencadangkan ;

1. Memberi penerangan secukupnya jelas, tepat dan menyakinkan kepada masyarakat tentang illah zakat, sebagaimana penerangan zakat pendapatan.
2. Mewajibkan pengeluaran zakat melalui perundangan syarak.
3. Memperkemaskan lagi proses kutipan dan agihan zakat oleh Pusat Pungutan Zakat agar mendapat kepercayaan dan keyakinan masyarakat sepenuhnya.
4. Memperkenalkan kaedah pengiraan yang mudah, agar semua orang boleh mempratikkan dengan cepat dan tepat.

Walaupun kelihatan mudah untuk membuat kajian dalam bentuk lapangan ini namun kekangan seperti kebimbangan, kurang jujur atau sekadar memenuhi permintaan menjadikan keputusan kajian yang diperolehi agak kurang memuaskan bagaimanapun kajian ini diharap sebagai satu titik tolak dan juga sebagai usaha percambahan ilmu dan perkongsian maklumat bagi mereka yang sedang menuntut ilmu atau kepada para bijak pandai untuk memikirkan dan merealisasikan apa yang telah dimulakan pada kajian ini mudah-mudahan suatu masa nanti ia menjadi salah satu kajian yang lebih sistematik dan menyeluruh ke atas kesemua pekebun-pekebun kelapa sawit seluruh negara agar zakat pertanian dari kelapa sawit menjadi satu realiti dan dikeluarkan setelah ada hukum yang diwartakan oleh para ulama membolehkan ianya menjadi salah satu sumber bagi menjana pendapatan negara seterusnya membasmi kemiskinan serta menjadi pemangkin untuk pertumbuhan ekonomi umat Islam dan memakmurkan negara dan terpenting ialah umat Islam tidak terlepas dari kewajipan dan dapat keredaan dari Allah kerana mematuhi perintahnya. Saya berharap hasil kajian tinjauan lapangan yang saya sasarkan di kawasan Simpang Renggam ini mudah-mudahan akan tersebar ke tempat-tempat lain seterusnya menjadi info kepada masyarakat luar agar mereka turut berfikir dan memberikan pendapat dan pernyataan dan mungkin bersedia untuk menjadi salah seorang pengeluar zakat yang aktif dan menjadi masyarakat petani yang berilmu serta menjadi ahli masyarakat yang berguna kepada agama ,bangsa dan negara.

RUJUKAN

1. Muhamad Syukri Saleh, Mohamad Salleh Abdullah, Zahri Hamat. (2011) Transformasi Zakat Pulau Pinang, Pusat Urus Zakat MAINPP & Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (SDEV) Universiti Sains Malaysia.
2. Thesis; Sanusi, Nur azura and Abd Wahab, Norazlina and Mohamad, Nor Fazlin (2005) Gelagat Kepatuhan pembayaran zakat pendapatan.
3. Sanep Ahmad. Hairunizam Wahid. Sumber Zakat; Peluasan terhadap harta yang diikhtilaf. Kumpulan Kajian Ekonomi & Kewangan Islam Pusat Pengajian Ekonomi, UKM.
- 4: http://www.utusan.com.my/utusan/Johor/20130118/wj_01/MAINJ-terima-zakat-RM171.9-juta#ixzz2IHmo3WWg © Utusan Melayu (M) Bhd
5. Ali Akbar Osman, 1996. Mengapa Perlu Membayar Zakat, Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
6. **Sumber Berita: Utusan Malaysia 25/05/2012**
7. Portal pengetahuan, zakat kajian kes unit pengetahuan zakat dan agihan zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor.
8. Muhamad Syukri Salleh Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP) Universiti Sains Malaysia Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis
9. (Buletin Majlis, unit penerbitan dan perhubungan awam majlis agama negeri johor siri 48 (Jun) 2012.
10. Temu bual bersama Penolong pengarah MAIJ Kluang, Luqmanul Hakim bin Abd Rahman, bersama penolong akauntan MAIJ Kluang Abdul Rashid bin Miswan

LAMPIRAN

Contoh soalan kajian dan data yang telah dikumpulkan.

Bahagian A

1. Umur (tandakan /)

20-40 tahun (9 org)	41 – 50 tahun (13 org)	51 - 60 tahun (28 org)	61 tahun ke atas (50 org)
--------------------------	-----------------------------	----------------------------	-------------------------------

2. Pendidikan (tandakan /)

SRP / SPM (58 org)	STPM/DIPLOMA (10 org)	IJAZAH (6 org)	LAIN-LAIN (26 org)
-------------------------	----------------------------	---------------------	-------------------------

3. Status (tandakan /)

BUJANG (4 org)	BERKELUARGA (96 orang)	LAIN-LAIN
---------------------	----------------------------	-----------

4. Jumlah tanggungan (tandakan /)

1-5 ORANG (67 org)	6 - 10 ORANG (32 org)	LEBIH 10 ORANG (1 org)
------------------------	---------------------------	----------------------------

5. Berkebun (tandakan /)

Sepenuh masa (69 org)	Sampingan (27 org)	Mengurus kebun keluarga (4 org)
---------------------------	------------------------	-------------------------------------

6. Tempoh berkebun (tandakan /)

1 - 10 tahun (20 org)	10 - 20 tahun (30 org)	Lebih 21 tahun ke atas (50 org)
---------------------------	----------------------------	--------------------------------------

7. luas ladang/kebun (tandakan /)

1- 5 ekar (64 org)	6- 10 ekar (30 org)	Lebih 10 ekar (6 org)
------------------------	-------------------------	----------------------------

8. Anggaran pendapatan sebulan (tandakan /)

Kurang RM 500 (49 org)	RM 500 – 1000 (39 org)	LEBIH RM 1000 (12 org)
-----------------------------	----------------------------	-----------------------------

9. Anggaran perbelanjaan pengurusan kebun (tandakan /)

RM 100-500 (59 org 0	RM 500 – 1000 (38 org)	LEBIH 1000 (3 org)
-------------------------	----------------------------	-------------------------

BAHAGIAN B

1. Mengetahui maksud zakat (tandakan /)

Ya (68 org)	Tidak (3 org)	Kurang pasti (29 org)
-----------------	-------------------	---------------------------

2. mengetahui hukum tentang zakat (tandakan /)

Ya (97 org)	Tidak (1 org)	Kurang pasti (2 org)
-----------------	--------------------	--------------------------

3. Mengetahui jenis-jenis zakat yang wajib dikeluarkan

Ya (10 org)	Tidak (3 org)	Kurang pasti (87 org)
------------------	--------------------	---------------------------

4. zakat yang pernah dibayar (tandakan /)

Zakat simpanan (9 org)	Zakat harta (1 org)	Zakat pendapatan (8 org)	Zakat fitrah (100 org)
-----------------------------	--------------------------	------------------------------	----------------------------

5. Pernah mendengar zakat dari hasil tanaman (tandakan /)

Ya (78 org)	Tidak (4 org)	Kurang pasti (8 org)
------------------	--------------------	--------------------------

6. Mengetahui jenis-jenis tanaman yang wajib dikeluarkan zakat (tandakan /)

Tidak (6 org)	Ya (8 org)	Kurang pasti (86 org)
--------------------	-----------------	----------------------------

7. Mengetahui matlamat pengeluaran zakat (tandakan /)

Tidak (74 org)	Ya (3 org)	Kurang pasti (23 org)
---------------------	-----------------	----------------------------

8. Punca / hasil untuk membayar zakat (tandakan /)

Makan gaji (15 org)	Berkebun (80 org)	Lain-lain nyatakan 1.berniaga 2. Simpanan
--------------------------	------------------------	-------------------------------------------------

9. Mengetahui cara pengiraan zakat (tandakan /)

Tidak (84 org)	Ya (1 org)	Kurang pasti (15 org)
---------------------	-----------------	----------------------------

10. Mengetahui asnaf-asnaf yang layak menerima zakat (tandakan /)

Tidak (4 org)	Ya (8 org)	Kurang pasti (88 org)
--------------------	-----------------	----------------------------

BAHAGIAN C (tandakan /)

Bil	Pekara	Setuju	Kurang setuju	Tidak setuju
1	Zakat tanaman kelapa sawit wajib kepada pekebun yang layak mengeluarkannya	98 org	2 org	0
2	Bersedia membayar zakat tanaman jika layak	88 org	12 org	0
3	Belajar cara-cara pengiraan mengeluarkan zakat	26 org	57 org	37 org
4	Membayar zakat di Pusat pungutan zakat	59 org	40 org	1 org

5	Pusat zakat berkuasa membahagikan zakat kepada asnaf-asnaf yang layak	59 org	40 org	1 org
6	Zakat pendapatan menjadi punca pendapatan negara	46 org	53 org	1 org

Nyatakan pendapat jika setuju / tidak setuju jika pendapatan hasil tanaman sawit dikenakan zakat

tanaman.....

.....

.....

